# Bab 1 : Kedaulatan Negara

## MAKSUD

- Kekuasaan Tertinggi
- Kewibawaan negara yang bebas
- mempunyai hak untuk menjalankan pemerintahan & Pentadbiran

## TAKRIF KEDAULATAN

**BAHASA YUNANI**
- supernuus @ superanus
- Agung / Tertinggi
- bebas dan merdeka

**BAHASA INGGERIS**
- sovereignty
- kuasa penuh dalam pemerintahan

**BAHASA ARAB**
- daulah
- kuasa pemerintahan kerajaan

**BAHASA MELAYU**
- daulat
- kekuasaan tertinggi pemerintahan

## PANDANGAN TOKOH TERHADAP KEDAULATAN

① Aristotle
- kuasa tertinggi
- kerajaan terikat pada undang²

② Ibnu Kaldun
- kekuasaan @ kekuatan negara
- semangat kesitaan dan beragama

③ Jean Bodin
- kuasa tertinggi
- kuasa tidak terbatas untuk membuat undang²

④ Tunku Abdul Rahman
- prinsip keadilan dan kebebasan
- memperjuangkan kesejahteraan & kebajikan

⑤ Tun. Dr Mohamed Salleh
- negara merdeka
- mempunyai kebebasan
- mempunyai hak @ kuasa untuk mengatur urusan dalam negeri

## JENIS-JENIS KEDAULATAN (TAMU)

1) Kedaulatan Tradisional - T
- berkuasa mutlak
- wujud sejak tamadun awal
- Berpaksi pada kedaulatan Raja-Raja Melayu
- Raja-Raja Melayu ada kuasa tertinggi
- Taat setia oleh rakyat

2) Kedaulatan Antarabangsa - A
- merujuk Pengiktirafan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB)
- Malaysia ialah anggota dalam PBB
- Negara yang bebas, merdeka dan berdaulat
- Deklarasi Hubungan Persahabatan PBB

3) Kedaulatan Moden - M
- muncul selepas Revolusi Keagungan England dan Perancis
  - hak rakyat dan kerajaan Berperlembagaan
  - persamaan rumpun bangsa dan bahasa
  - Gabungan Negeri → Persekutuan Tanah Melayu 1957
    → Persekutuan Malaysia 1963

@NotesbyKirsha

4) Kedaulatan Undang-Undang - U

- Kerajaan dan rakyat terikat pada undang²
- menjamin keadilan
- mewujudkan negara yang aman, makmur, stabil
- Badan kehakiman yang berwibawa
- Prinsip Keempat Rukun Negara

@NotesbyKirsha

## CIRI-CIRI NEGARA BERDAULAT (UPSR)

1) Mempunyai Perundangan - U

- memelihara kesejahteraan
- menjamin keadilan
- melindungi rakyat
- berpandukan Perlembagaan Persekutuan
- Parlimen bertanggungjawab untuk menggubal undang²

2) Mempunyai Pemerintahan - P

- menjaga kestabilan politik, keamanan, pertahanan & ekonomi
- mengamalkan Sistem Demokrasi Berparlimen dan Raja Berperlembagaan
- Ketua utama Negara : Yang di-Pertuan Agong
- Ketua utama Kerajaan : Perdana Menteri
- Perdana Menteri dibantu oleh Jemaah Menteri

3) Mempunyai Sempadan - S

- pemisah negeri / negara
- Sempadan Malaysia diakui oleh PBB
- memudahkan urusan pemerintahan, pentadbiran, pertahanan, pembangunan

4) Mempunyai Rakyat - R

- terikat kepada undang-undang
- Terdiri daripada pelbagai bangsa dan agama
- disatukan melalui satu bahasa
- Rukun Negara sebagai identiti sosial

## KEPENTINGAN NEGARA BERDAULAT (PENS)

1) Keberkesanan Pentadbiran - P

- tanpa campur tangan kuasa luar
- Kerjasama Kerajaan + Kerajaan Negeri
- mewujudkan keberkesanan pentadbiran
- diperkukuh dengan undang-undang (Perlembagaan Persekutuan)

2) Kemakmuran Ekonomi - E

- memajukan dan meningkatkan taraf hidup rakyat
- Cth : bidang pertanian, perindustrian & perdagangan
- diperkenalkan melalui dasar pembangunan ekonomi negara.

3) Kecemerlangan Hubungan Luar Negara - N

- menjalinkan hubungan diplomatik @ persahabatan
- dapat mengadakan perjanjian dalam pelbagai bidang
- Malaysia menganggotai dalam pertubuhan serantau dan antarabangsa
- dapat meningkatkan imej negara

4) Kesejahteraan Sosial - S

- melahirkan generasi berilmu & berkemahiran
- dapat memberikan sumbangan utk pembangunan negara
- Cth : Bahasa, Kebudayaan, Sukan
- dapat memupuk perasaan muhibah & semangat perpaduan

## LANGKAH MEMPERTAHANKAN KEDAULATAN

### ① Mewujudkan Kestabilan Politik dan Kemakmuran Ekonomi ( Kami Paling Excited )

Kestabilan → Kami, Politik → Paling, Ekonomi → Excited

**Pemerintah**
- wujudkan pentadbiran yang cekap
- Elakkan amalan rasuah
- Sumber kekayaan diagihkan dengan adil
- Undang-undang dilaksanakan berdasarkan perlembagaan

**Rakyat**
- Kesetiaan kepada raja & negara
- sokong segala usaha kerajaan
- memupuk kerjasama dengan semua kaum
- Patuhi undang-undang negara

### ② Mengekalkan Perpaduan Kaum (Pergi Ke)

Perpaduan → Pergi, Kaum → Ke

**Pemerintah**
- menggubal dasar & undang² berkaitan perpaduan kaum
- merangka program / kempen untuk memupuk perpaduan
- memperuntukkan belanja mencukupi untuk program

**Rakyat**
- menggunakan bahasa kebangsaan dan menghayati Prinsip Rukun Negara
- memahami dan hormati pelbagai kaum / agama
- amalkan semangat bertoleransi / perkongsian
- melibatkan diri dalam program kemasyarakatan.

### ③ Memupuk Patriotisme (Pantai)

Patriotisme → Pantai

**Pemerintah**
- Anjuran sambutan Hari Kebangsaan / Hari Pahlawan
- wajibkan Sejarah dan jadikannya mata pelajaran teras
- Menganjurkan kempen untuk memupuk patriotisme
- Berikan pengiktirafan kepada rakyat yang berjasa kepada negara

**Rakyat**
- Menghormati bendera Malaysia, Jata Negara, Lagu Negaraku
- Hargai adat & warisan negara

### ④ Mengukuhkan Pertahanan Negara (Pasir Ni)

Pertahanan → Pasir, Negara → Ni

**Pemerintah**
- menggubal dasar & undang² untuk melindungi keselamatan negara
- Mengadakan latihan ketenteraan & perjanjian pertahanan
- Memodenkan aset ketenteraan
- Pastikan pasukan keselamatan sentiasa bersiap siaga

**Rakyat**
- Peka terhadap isu keselamatan negara
- Elakkan berkolaborasi dengan pihak luar
- Menganggotai pasukan keselamatan / pasukan sukarelawan
- Berkorban demi negar

@NotesbyKirsha